

Headline	MOA sasar 1,000 peserta terima bantuan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,073



## MOA sasar 1,000 peserta terima bantuan

**MENTERI** Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya menasarkannya seramai 1,000 peserta akan menerima bantuan peruntukan sebanyak RM10 juta menerusi Program Rezeki Tani yang dijalankan dalam tempoh dua tahun bermula pada tahun 2019 hingga 2020.

Menurutnya, Program Rezeki Tani merupakan program di bawah MOA yang bertujuan membantu peserta meningkatkan pendapatan melalui projek ekonomi yang dijalankan.

Katanya, ia melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan, selain mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran melalui latihan.

Perlaksanaan program tersebut dibahagikan kepada tiga jabatan dan tujuh agensi di bawah kementerian iaitu Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF),

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

“LPP telah membantu seramai 50 peserta untuk menerima bantuan pada 2019 di Semenanjung Malaysia. Seramai tujuh peserta dari Terengganu.

“Ini adalah program berkesan yang diwujudkan supaya golongan berkenaan dapat berdikari dengan bantuan sebanyak RM10,000 yang diberikan.

“Program ini akan diteruskan dan saya akan pastikan kita akan meningkatkan lagi bantuan serta jumlah penerima,” kata beliau.



Salahudin melihat pokok timun yang diusahakan Zuliadin di Kampung Rusila, Marang kelmarin.